

MBM hantar tiga pelajar ke Perhimpunan Belia PBB di New York

KOSMO 7 FEB 2015 (NEGARA) m/s 18



HASNUL HANIFF (dua dari kanan) bergambar bersama Keshvan (kanan), Samsol (dua dari kiri) dan Zakwan selepas sidang akhbar di pejabat MBM, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan akan menghantar tiga pelajar institusi pengajian tinggi awam di Perhimpunan Belia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat bermula esok hingga 15 Februari ini.

Tiga pelajar itu ialah Keshvan Raj Chandra, 25, Samsol Bahari Hamdan, 20, dan Zakwan Buang, 25, yang merupakan pemenang pertandingan inovasi *Your Action Project* anjuran MBM pada tahun lalu.

Presiden MBM, Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaludin berkata, Keshvan yang merupakan pelajar Universiti Malaysia Pahang, Samsol (Politeknik Nilai) dan Zakwan

(Universiti Malaya) akan mengambil bahagian dalam pertandingan *Social Venture Challenge* pada perhimpunan tersebut.

Menurutnya, pertandingan itu akan disertai wakil-wakil belia dari seluruh negara dan peserta akan mempersembahkan projek inovasi ciptaan masing-masing.

"Jika ada antara peserta kita yang terpilih untuk ke peringkat akhir pertandingan itu, maka satu sejarah akan tercipta apabila suara belia Malaysia akan didengar melalui pembentangan projek pada Perhimpunan Belia PBB," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Turut hadir Ahli Jawatankuasa Kerja MBM selaku

Ketua Delegasi ke Perhimpunan Belia PBB, Hasnul Haniff Harun.

Pada pertandingan *Social Venture Challenge*, Keshvan akan mempertaruhkan projek perawatan air menggunakan tumbuhan, manakala Samsol menentang idea untuk mengubah pemikiran kanak-kanak supaya lebih gemar memakan sayur-sayuran.

Zakwan pula akan mempertandingkan sebuah laman web yang menawarkan kemudahan kepada pelajar untuk mencari tempat latihan industri di sekitar Asia Tenggara.

Pemenang pertandingan bakal menerima geran rasmi daripada PBB untuk melaksanakan projek inovasi mereka di negara masing-masing.